

Kesan Semantik Tafsiran Perkataan Islam daripada Perspektif Muhammad Asad ke Atas Konsep Muslim

NURHAYATI BINTI ABDULLAH¹, KAMARUDIN BIN SALLEH²

Abstract

Islam is a formal religions of the follower of the Prophet Muhammad p.b.u.h that teaches the concept of tawheed. It is distinguished from any other religions with Rukun Iman and Rukun Islam as its characteristics of believing and islamic characteristics of its follower. In Ahli Sunah Waljamaah's view, Islam is the only true and accepted religion by Allah SWT. As for Muhammad Asad nonetheless, he interpreted Islam as 'self surrender to God' by giving generic language meaning. This study applied content analysis method by analyzing the interpretation of Islam thematically on relevant texts that contained the term Islam in Muhammad Asad's work of interpretation entitled *The Message of the Qur'ān*, also looking into the sequence effect on the concept of Muslim semantically. The findings suggest that, Muhammad Asad's interpretation of Islam has changed the concept of muslim that has been known by the mainstream understanding. The changes of Islam's interpretation and its effect on the concept of muslim, leading to religious pluralisme ideology by recognizing the truth of all monotheistic religions and claim that salvation is not reserved exclusively for any particular "denomination", but is open to everyone who conciously realizes the oneness of God, surrenders himself to His will.

Keywords : Islam, Religious Pluralisme, Truth Claim, Tawheed, Monotheistic religion.

Pendahuluan

Penterjemahan dan tafsiran perkataan Islam dalam wacana arus perdana umat Islam merujuk kepada nama khas agama bagi umat Nabi Muhammad SAW. Islam telah disepakati oleh para ulama Ahli Sunah Waljamaah sebagai satu-satunya agama yang diiktiraf kebenarannya secara mutlak di sisi Allah SWT. Ia dikenali dengan ciri-cirinya yang khusus melalui penetapan Rukun Iman dan Rukun Islam sebagai konsep penting dalam agama yang menegaskan dasar akidah dan ajaran syariat yang tersendiri yang membezakannya daripada agama lain.

Islam menerima konsep kepelbagaian agama (*plurality* dalam konteks kemajmukan, bukan sebagai *isme* dalam konteks ideologi), dan menganjurkan hubungan kemanusiaan yang penuh etika, hormat menghormati dan harmoni, namun ia bukan bermaksud mengiktiraf kebenaran agama lain kerana pengiktirafan terhadap kebenaran agama lain adalah melangkaui prinsip tauhid yang bererti mensyirikkan Allah SWT dengan tuhan-tuhan agama yang lain.

Selain daripada tafsiran muktabar yang merujuk kepada nama agama Islam, terdapat tafsiran lain yang diberikan oleh golongan orientalis dan kelompok muslim liberal yang mengatakan bahawa Islam bukan merujuk kepada satu nama agama yang formal yang mempunyai aturan kehidupan lengkap, tetapi hanya sikap berserah diri, tunduk dan patuh kepada Tuhan. Muhammad Asad termasuk antara intelektual muslim yang berpandangan bahawa kalimah Islam sepatutnya diterjemahkan sebagai '*self surrender to God*' (menyerah diri kepada tuhan) dengan makna bahasa secara generik [*generic (eng.)*]: makna umum, tidak spesifik] iaitu bukan merujuk kepada satu nama agama yang khusus.

¹ An Islamic Affair Officer at Department of Islamic Development Malaysia, known as JAKIM, Blok A and B, Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3, 62100, Putrajaya, email: nursodiq99@hotmail.com;

² Assoc. Professor (Ph.D), at Centre for Akidah and Global Peace, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Email: dins@ukm.edu.my

Makalah ini cuba menganalisa kesan langsung daripada perubahan makna perkataan Islam ke atas konsep muslim yang telah diterima umum selama ini. Ini kerana terdapat saling kaitan secara semantik antara pengertian Islam, Muslim dan Mukmin.

Latar Belakang Muhammad Asad

Muhammad Asad atau Leopold Weiss (namanya sebelum memeluk Islam) dikenali sebagai penulis, diplomat dan pemikir Islam berketurunan Yahudi yang dilahirkan pada 2 Julai 1900 di Lviv (sekarang di negara Ukraine yang terletak di Timur Galicea). Beliau memeluk Islam pada tahun 1926 (Muhammad Asad 1966; 1981; 2016) dan meninggal dunia pada tahun 1992 di Sepanyol.

Beliau mempelajari secara mendalam kitab Bible dalam bahasa Hebrew, Targum, Talmud, Mishna dan Gemarra sejak kecil kerana mempunyai susur galur Rabbi yang kuat daripada orang tuanya. Beliau dikenali sebagai wartawan sebelum namanya melonjak selepas memeluk Islam dengan menghasilkan sebuah autobiografi berjudul *'The Road To Mecca'*. Dari segi pendidikan, beliau pernah memasuki Universiti Vienna dalam jurusan falsafah dan sejarah seni (*History of Art*), tetapi tidak menghabiskan pengajiannya. Menurut (Muzaffar Iqbal, 2016), sejauh mana kedalaman pendidikan agama Muhammad Asad tidak dapat dipastikan kerana keterbatasan maklumat yang diberikan oleh beliau dalam buku autobiografinya. Oleh itu, tidak dapat diketahui siapakah gurunya, dan di mana institusi beliau mempelajari Islam secara formal sekiranya ada.

Pengenalan *The Message of the Qur'an*

"The Message of the Qur'an" adalah edisi lengkap terjemahan al-Quran dan huraian dalam bahasa Inggeris oleh Muhammad Asad yang diterbitkan pada 1980. Sesetengah pihak menyebutnya sebagai karya tafsir kerana terdapat huraian-huraian dalam terjemahannya yang memberi tafsiran baru terhadap beberapa perkara atau isu yang timbul daripada beberapa terminologi dalam al-Quran. Namun, setengah pihak yang lain tidak menganggapnya sebagai karya tafsir kerana sebahagian besar karya ini adalah bersifat terjemahan semula dan lebih sesuai dianggap terjemahan al-Quran versi bahasa Inggeris.

Bagi pihak yang positif dengan karya ini, mereka menganggap ia amat sesuai dengan era moden kerana menggunakan pendekatan moden dengan gaya *allegorical* (kiasan ibarat) dan *parabolic* (cerita sebagai pengajaran) (Maziah Mahmud, 2007). Disebut dalam pengenalan *'The Message of the Qur'an'* versi digital (e-teks) sendiri bahawa karya ini mendapat kritikan daripada golongan tradisionalis kerana cenderung kepada Mukhtazilah (Muhammad Asad, t.t.). Sampel awal karya ini disekat oleh kerajaan Arab Saudi pada 1974 kerana perbezaan pandangan dalam isu-isu akidah yang tidak selari dengan pendirian Saudi yang berkecenderungan salafi (Khaleel Mohammed 2005; Muzaffar Iqbal, 2016: 37; "The Message of the Qur'an," 2018).

Pada awalnya, terjemahan dan huraian Asad mendapat perhatian istimewa kerana projek ini ditaja oleh Liga Dunia Muslim (*Muslim World League*). Walau bagaimanapun, sekumpulan ilmuwan yang dilantik untuk menyemak hasil kerja Asad mendapati kandungannya sangat kontroversi untuk diedarkan sebagai mewakili Liga Dunia Muslim (Muhammad Asad, t.t.). Oleh itu beliau menerbitkan karya ini melalui syarikatnya sendiri iaitu Gibraltar al-Andalus walaupun berhadapan dengan masalah pengedaran. Akhirnya cita-cita beliau berjaya direalisasikan dengan bantuan rakan baiknya yang berbangsa Arab, iaitu bekas Menteri Sumber Galian dan Minyak Saudi, Shaikh Ahmad Zaki Yamani yang sanggup membeli sebanyak 20,000 naskhah karya tersebut sebagai sokongan kepada beliau ("The Message of the Qur'an" t.t.; Muzaffar Iqbal 2016: 37).

Metodologi Muhammad Asad

Menurut Asad dalam Kata Pengantar *The Message of the Qur'an*, beliau tidak menolak penggunaan beberapa terminologi setelah Islam 'diinstitusikan' dalam konteks perkembangan sejarah agama Islam, namun untuk memahami al-Quran secara benar, ia tidak boleh dibaca semata-mata dengan

NURHAYATI BINTI ABDULLAH, KAMARUDIN BIN SALLEH

melihat dari kaca mata selepas pembangunan ideologi yang berlaku kemudian daripada zaman al-Quran diturunkan supaya pemahamannya tidak lari daripada tujuan dan makna asalnya (Muhammad Asad 1980: vi).

Asad telah memberikan makna Islam berdasarkan kefahaman beliau yang mengikut pendekatan *Biblical hermeneutics* dengan melihat kepada keadaan masyarakat Arab Jahiliyah semasa al-Quran diturunkan. Kenyataan ini sememangnya diakui oleh Muhammad Asad di dalam prakata "*The Message of The Qur'ān*". Menurut beliau, jika al-Quran ingin benar-benar difahami dalam bahasa yang lain, mesej (ayat) al-Quran hendaklah diterjemahkan sedemikian untuk menghasilkan makna terhampir (sedekat) yang mungkin dengan pengertian oleh masyarakat yang belum dibebankan dengan imej konseptual daripada perkembangan Islam terkemudian. Ia menjadi prinsip utama sepanjang beliau melakukan kerja penterjemahan (Muhammad Asad 1980: vi).

Kaedah hermeneutik atau tafsir kontekstual pada asalnya merupakan satu bidang kajian untuk merumuskan kaedah dan aturan dalam mentafsirkan Bible. Ia mula digunakan oleh ahli Teologi Yahudi dan Kristian lalu dikembangkan oleh Protestan Liberal apabila bermasalah dalam memahami Bible. Menurut Tengku Intan Zarina Tengku Puji (2013), hermeneutik digunakan sebagai formula untuk mencari nilai kebenaran Bible dan makna yang dikehendaki pengarangnya kerana Bible ditulis dan dibaca bukan dalam bahasa asalnya, serta timbul kekeliruan tentang keaslian Bible disebabkan perbezaan berbagai-bagai dokumen mengenainya.

Abdul Majid Khan (2005) menyatakan bahawa, Asad, sebagai 'produk' segera zaman Eropah Moden terpengaruh dengan falsafah linguistik baru. Tafsir beliau dipuji di sesetengah tempat kerana menggunakan sudut pandang linguistik moden dalam memahami bahasa al-Quran. Beliau mentafsir al-Quran dengan '*idiomatic English*' (kiasan ibarat bahasa Inggeris) untuk melangkaui sesuatu makna yang zahir ("*outer shell*" of the literary matter). Beliau cenderung menolak makna bagi perkataan dan frasa yang dikemukakan oleh para ulama yang tidak menepati pemikiran moden (*modernistic*) dan rasional (*rationalistic*).

Dalam ucapan sempena program '*A Tribute To Muhammad Asad*' pada 13 Disember 2009, Ahmad Farouk Musa membayangkan bahawa Asad menggunakan pendekatan hermeneutik yang harus difahami oleh pembaca sama ada dalam pengertian literal atau alegori kerana ia ditujukan kepada akal manusia (Ahmad Farouk Musa, 2013). Nadzrah dan Ahmad Nabil (2016) berpandangan bahawa falsafah hermeneutik, pemikiran kritis dan rasional serta projek pembaharuan (*reform*) tergambar dalam huraian Muhammad Asad melalui metode hermeneutik al-Quran (*Quranic hermeneutic*) yang disamakan dengan kaedah *al-ta'wil*.

Ringkasnya, beliau menggunakan pendekatan hermeneutik yang menetapkan aplikasi pemahaman sejarah daripada teks asli ke atas konteks semasa sebagai aspek terpenting dalam proses penginterpretasian teks. Setiap teks diinterpretasi berdasarkan keadaan asal termasuk konteks sejarah, tatabahasa, genre, konteks kesusasteraan dan lain-lain, sebagaimana *Biblical hermeneutics* menekankan supaya dapat memahami apakah maksud ayat tersebut ketika ia ditulis terlebih dahulu. Hanya selepas itu barulah pembaca atau pentafsir mencari bagaimana kehendak asal teks tersebut boleh diaplikasi mengikut konteks peribadi masing-masing.

Tafsiran Islam Perspektif Muhammad Asad

Asad mengatakan bahawa islam (beliau menulisnya dengan penggunaan huruf 'i' kecil) sepatutnya diterjemahkan sebagai "*selfsurrender to God*" kerana masyarakat Arab ketika itu tidak mengetahui agama sebagaimana umat hari ini memahami Islam sebagai agama yang bersistem dengan segala aturan dan prinsip-prinsip tertentu; dan penganutnya digelar muslim. Sebaliknya mereka hanya memahami agama sebagai menyerah diri kepada Tuhan; para sahabat memahaminya sebagai tanda penyerahan diri seorang hamba kepada Tuhan tanpa membataskan istilah-istilah ini kepada mana-mana komuniti atau kumpulan agama yang khusus.

Seterusnya, beliau menjelaskan lagi bahawa pengertian '*al-Islām*' kekal tidak terjejas dari makna asalnya dalam bahasa Arab, tetapi tiada sarjana bangsa Arab yang menyedari tentang konotasi istilah yang luas ini; manakala bagi Orang Bukan Arab pula, sama ada yang beriman atau

tidak: bagi mereka, 'islam' dan muslim kebiasaannya membawa pengertian yang terhad, dibataskan makna signifikan berdasarkan sejarah dan diaplikasi secara eksklusif kepada pengikut Nabi Muhammad SAW (Muhammad Asad 1980:vi).

Dalam surah *Ali 'Imran*, Muhammad Asad menterjemahkan bahawa intipati agama benar yang diterima di sisi Allah adalah sikap berserah diri kepada Tuhan : "*Behold, the only [true] religion in the sight of God is [man's] self surrender unto Him; and those who were vouchsafed revelation aforesaid took, out of mutual jealousy, to divergent views [on this point] only after knowledge [thereof] had come unto him. But as for him who denies the truth of God's messages-behold, God is swift in reckoning!*" (Al-Quran, *Ali 'Imran*, 3: 19). Perkataan Islam di sisi Muhammad Asad ditafsirkan sebagai sikap penyerahan diri kepada Tuhan tanpa membataskannya kepada mana-mana agama yang khusus berdasarkan metodologi hermeneutik seperti yang dijelaskan di atas. Tafsiran sedemikian terhasil apabila mengambil kira keadaan masyarakat dengan pemahaman beliau bahawa masyarakat Arab ketika awal Islam tidak memahami Islam ketika itu sebagai agama yang lengkap dengan sistem peraturan, prinsip dan ajaran khusus yang telah mengalami perkembangan sejarah (disebut oleh beliau sebagai Islam yang diinstitusikan).

Rujukan ke atas tafsir turath dan pihak autoriti, tafsiran sebenar ayat 19, surah *Ali 'Imran* tidak membawa pengertian kepada penerimaan Allah SWT terhadap agama-agama yang lain. Tetapi ayat tersebut menyatakan tentang satu-satunya agama yang benar di sisi Allah adalah agama Islam. Kaum Yahudi dan Nasrani yang mengikuti Nabi-nabi terdahulu juga mengakui kebenaran Islam. Sehingga kedatangan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul, tiba-tiba mereka mengingkarinya kerana hasad dengki lalu enggan menerima Rasul daripada kalangan bangsa Arab yang bukan daripada keturunan bangsa mereka.

Ketika menterjemahkan ayat 85 surah *Ali 'Imran*, beliau mengatakan bahawa Allah tidak akan menerima agama yang selain daripada sikap berserah diri kepada Tuhan : "*For, if one goes in search of a religion other than self-surrender unto God, it will never be accepted from him, and in the life to come he shall be among the lost*"(Al-Quran, *Ali 'Imran*, 3: 85). Beliau juga memberi huraian ayat bahawa sikap menyerah diri kepada Tuhan adalah intipati ajaran dalam semua agama yang benar (Muhammad Asad 1980: 69). Perkataan "semua" dalam huraianya (*the essence of all true religion*), menunjukkan bahawa di sisi Muhammad Asad terdapat agama-agama lain yang benar selain daripada agama Islam.

Lebih jelas lagi, Muhammad Asad menyatakan bahawa keselamatan di akhirat tidak khusus diperuntukkan kepada mana-mana nama agama, bahkan ia terbuka kepada sesiapa yang mengakui keesaan Allah dan melakukan perkara-perkara yang baik berdasarkan huraian beliau terhadap ayat al-Quran dalam surah *al-Baqarah* (2:112): "*Thus, according to the Quran, salvation is not reserved for any particular "denomination", but is open to everyone who conciously realizes the oneness of God, surrenders himself to His will and, by living righteously, gives practical effect to this practical attitude*"(Muhammad Asad, 1980: 24). Persoalannya, jika berlaku perubahan makna terhadap perkataan Islam, apakah ia tidak menjejaskan prinsip tauhid sebagai pegangan utama yang menentukan status keislaman seseorang, atau dengan kata lain menjejaskan makna muslim?

Kesan Semantik ke Atas Konsep Muslim

Berdasarkan isu-isu yang timbul setelah menganalisis tafsiran perkataan Islam perspektif Muhammad Asad, tidak dapat tidak ia turut memberi kesan ke atas interpretasi makna muslim kerana perkataan muslim adalah kata terbitan daripada perkataan '*aslama*' yang turut menerbitkan perkataan Islam itu sendiri. Prinsip asas Muhammad Asad dalam interpretasi dan terjemahan perkataan *muslim* atau *muslimun* didapati daripada huraian beliau terhadap terjemahan ke atas ayat berikut [Semua terjemahan bahasa Melayu al-Quran selepas ini adalah berdasarkan *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* 1998]:

أَفَنَجْعَلُ الْمُسْلِمِينَ كَالْمُجْرِمِينَ

NURHAYATI BINTI ABDULLAH, KAMARUDIN BIN SALLEH

Maksudnya: "Patutkah kami menjadikan orang Islam, sama seperti orang yang berdosa (yang kufur ingkar)?" (al-Quran, *al-Qalam*, 68:35).

Muhammad Asad pula menterjemahkan '*al-muslimin*' (orang Islam) sebagai 'orang yang menyerahkan diri kepada Kami': "*or should We, perchance, treat those who surrender themselves unto Us as [We would treat] those who remain lost in sin?*"

Muhammad Asad menyatakan dalam huraian ayat, bahawa terminologi *muslimun* (kata tunggal-*Muslim*) dalam ayat di atas adalah yang paling awal digunakan dalam al-Quran. Beliau menyatakan bahawa perkataan *Islam* dan *Muslim* diterjemahkan dengan memberi makna secara literal berdasarkan konotasi asal perkataan daripada sudut bahasa ke atas semua bentuk kata terbitan dalam al-Quran yang berasal daripada kata kerja *aslama*- berserah diri. Prinsip dalam penginterpretasian sebarang kata terbitan daripada kata kerja *aslama* perlu mengelak daripada memberi pengertian yang mengaitkannya dengan 'agama Islam' dan pengikut Nabi Muhammad SAW atas dasar pandangan beliau bahawa pemaknaan eksklusif secara formal ke atas agama Islam dan pengikut Nabi Muhammad SAW merujuk kepada tempoh selepas sejarah perkembangan al-Quran, bukan dari awal ketika al-Quran diturunkan (Muhammad Asad 1980, 885-886).

Atas prinsip yang dikemukakan oleh beliau ini, secara semantik (kajian tentang makna perkataan, hubungan antara makna dengan makna yang lain serta pengaruh makna terhadap masyarakat), ia amat berkait rapat dengan makna *al-muslim* (*al-muslimun*: kata jamak). Ini kerana orang yang beriman adalah orang yang melengkap atau berpegang kepada dasar beragama yang termaktub di dalam Rukun Iman yang enam, lalu mengucapkan syahadah sebagai ikrar pengakuan keimanan tersebut, maka barulah sah seorang itu menjadi muslim, iaitu menjadi penganut agama Islam (*al-muslimun*). Ini kerana hakikat Islam itu sendiri tidak terpisah daripada prinsip dan konsep yang terkandung di dalamnya. Menurut Ahmad Sabri bin Othman (2015), al-Faruqi menerangkan bahawa pengalaman keagamaan bagi orang Islam ialah tauhid, iaitu pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah.

Huraian Asad menjurus kepada pengertian bahawa perkataan *al-muslim* atau *al-muslimun* dalam konteks ayat yang merujuk kepada zaman Nabi Muhammad SAW tidak membawa kepada pengertian "umat Islam yang formal" sewaktu ayat-ayat berkenaan diturunkan kerana "agama Islam" seperti dikenali hari ini belum wujud. Yang difahami oleh masyarakat Arab ketika itu hanyalah orang yang menyerah diri kepada Tuhan sebagaimana dijelaskan mengenai prinsip beliau terhadap interpretasi dan terjemahan semua kata terbitan yang berasal daripada kata kerja *aslama*.

Sekiranya pembaca al-Quran hari ini mengambil kefahaman sedemikian terhadap nas-nas al-Quran yang berkaitan (iaitu nas-nas yang mempunyai perkataan "*al-muslimun/al-muslimin*"), sudah pasti aplikasi nas-nas tersebut dalam konteks semasa secara relatif menjadi bebas dipakaikan ke atas mana-mana individu yang menyerah diri kepada Tuhan tanpa ciri agama yang khas dan tanpa apa-apa nama agama.

Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar benar-benar; Dia telah memilih kamu dan Dia tidak menjadikan atas kamu menanggung susah payah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Ia menamakan kamu orang Islam semenjak dahulu, dan di dalam al-Quran ini, supaya Rasulullah menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Oleh itu dirikanlah solat, dan berilah zakat, serta berpegang teguhlah kepada Allah! Dialah Pelindung kamu. Maka Dialah sahaja sebaik-baik pelindung dan sebaik-baik pemberi pertolongan. (Al-Quran, al-Hajj 22:78)

Perkataan "*al-muslimin*" dalam ayat ini diterjemahkan oleh Muhammad Asad sebagai orang yang menyerah diri dengan semata-mata makna bahasa, bukan seperti terjemahan di atas. Menurut Asad, Nabi Ibrahim digelar datuk/ nenek moyang di dalam ayat ini bukan sahaja kerana Nabi Muhammad SAW sememangnya mempunyai salasilah keturunan daripada Nabi Ibrahim di sisi pengikut baginda SAW (yang kepada mereka ayat ini ditujukan), tetapi juga kerana Baginda

Ibrahim AS adalah prototaip (model contoh terawal) kepada semua orang yang menyerahkan diri kepada Tuhan, yakni menjadi '*spiritual forefather*' (nenek moyang spiritual) mereka (Muhammad Asad 1980: 518).

Kenyataan mengenai nenek moyang spiritual di atas menimbulkan persoalan. Mengapakah Nabi Ibrahim AS disebut oleh Asad sebagai nenek moyang secara spiritual kepada selain umat Nabi Muhammad SAW yang menyerahkan dirinya kepada Tuhan? Beliau mengatakan bahawa terminologi *muslim* menandakan "orang yang menyerahkan dirinya kepada Tuhan; sejajar dengan *islam* yang bererti "penyerahan diri kepada Tuhan". Kedua-dua terminologi ini digunakan di dalam al-Quran untuk merujuk kepada semua mereka yang percaya kepada satu Tuhan (monoteistik) dan menegaskan kepercayaan ini dengan penerimaan tanpa ragu terhadap wahyunya. Oleh kerana al-Quran merupakan kitab suci yang terakhir dan paling universal antara kesemua kitab suci, maka semua "orang yang beriman", secara kesinambungan, adalah diseru untuk mengikuti Rasulnya dan menjadi contoh kepada semua manusia (Muhammad Asad 1980:518).

Penjelasan ini berkaitan dengan pemaknaan secara generik yang merangkumkan interpretasi *islam* ke atas semua agama yang dikategorikan sebagai monoteistik atas dasar kepercayaan kepada Tuhan yang satu. Oleh itu ia termasuk juga agama-agama yang tidak dikaitkan dengan *Abrahamic Faiths*³ seperti Hindu, Budha, Zoroastrianisme dan lain-lain kerana Muhammad Asad berpendapat bahawa agama-agama ini mempunyai dasar ajaran mengenai prinsip satu Tuhan di dalam kitab suci masing-masing walaupun telah menyeleweng daripada ajaran asal (rujuk terjemahan dan huraian Asad mengenai tafsiran Ahli Kitab dalam surah *Ali 'Imran* (3:19)).

Melalui prinsip yang ditetapkan oleh Asad iaitu sebarang interpretasi hendaklah mengikut faktor sosio historikal masyarakat sewaktu al-Quran diturunkan, maka perkataan *islam* dan *muslim* di dalam al-Quran difahami dengan istilah yang kosong daripada sebarang konsep. Oleh itu, Rukun Iman dan Rukun Islam tidak termasuk dalam konsep yang dikaitkan dengan Islam. Perkara ini dimaklumkan sedari awal oleh Asad di dalam prakata beliau, bahawa, jika al-Quran ingin benar-benar difahami dalam bahasa yang lain, ayat al-Quran hendaklah diterjemahkan sedemikian untuk menghasilkan makna sehampir yang mungkin dengan pengertian oleh masyarakat yang belum dibebankan dengan imej konseptual daripada perkembangan Islam terkemudian. Ia menjadi prinsip utama beliau sepanjang usaha penterjemahan (Muhammad Asad 1980: vi).

Berdasarkan perbincangan di atas, Muhammad Asad berpendapat bahawa penyerahan diri kepada Tuhan adalah intipati kepada semua agama yang benar. Oleh kerana semua para Nabi dan Rasul membawa ajaran yang benar dan al-Quran menyebut mereka juga sebagai muslim sama seperti gelaran bagi umat akhir zaman yang mengikuti ajaran Nabi Muhammad SAW, apakah agama yang dianuti mereka menurut perspektif Muhammad Asad? Penyelidik membandingkan tafsiran ayat 131-133 dalam surah *al-Baqarah* antara terjemahan beliau dengan terjemahan Pimpinan al-Rahman untuk merujuk konteks ayat yang melibatkan para Nabi dan Rasul sebelum Nabi Muhammad SAW.

Ketika Tuhannya berfirman kepadanya: Berserah dirilah, Ibrahim menjawab: Aku berserah diri kepada Tuhan yang mentadbirkan sekalian alam. Dan Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya, demikian pula Yaakub katanya: Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati **melainkan kamu dalam keadaan Islam**. Adakah kamu hadir ketika Nabi Yaakub hampir mati, ketika ia berkata kepada anak-anaknya: Apakah yang kamu akan sembah sesudah aku mati? Mereka menjawab: Kami menyembah Tuhanmu dan

³ Iaitu Yahudi, Kristian dan Islam- dinamakan "*Abrahamic Faiths*" kerana ketiga-tiga agama ini mengakui mengikuti ajaran Nabi Ibrahim dan keturunannya yang berpegang kepada prinsip Tuhan Yang Esa (tunggal) dan mempunyai pertalian rapat mengenai asal usul, kitab suci, prinsip moral dan etika serta praktik amalan, tetapi berbeza dalam beberapa aspek penting dalam kepercayaan masing-masing.

NURHAYATI BINTI ABDULLAH, KAMARUDIN BIN SALLEH

Tuhan datuk nenekmu Ibrahim, Ismail dan Ishaq, iaitu Tuhan Yang Maha Esa, dan kepadaNya sahaja **kami berserah diri** (dengan penuh iman). (Al-Quran, *al-Baqarah*, 2: 131-133)

Tidak seperti Abdullah Basmeih di atas, perkataan muslimun dalam ayat 132 dan 133 surah *al-Baqarah* telah diterjemahkan oleh Asad sebagai orang-orang yang menyerah diri secara literal. Huraian Muhammad Asad ke atas ayat yang seterusnya memberi kesimpulan bahawa pengakuan menjadi "muslimun" oleh Nabi-nabi Ibrahim, Yaakub, Ismail dan Ishak menurut perspektif Muhammad Asad adalah merujuk kepada orang yang menyerah diri kepada Tuhan secara umum sebagai intipati agama, bukan agama Islam yang mempunyai sistem kepercayaan khusus.

Tafsir al-Ṭabari mengemukakan beberapa pandangan ahli takwil mengenai ayat 131-140, surah *al-Baqarah* yang kesemuanya merumuskan bahawa agama para Nabi dan Rasul yang disebut dalam nas-nas tersebut adalah agama Islam.

Katakanlah: Patutkah kamu membuat bantahan dengan kami tentang Allah? Padahal Dialah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amal kami dan bagi kamu pula amal kamu (kalau diikhlasikan), dan kami adalah (mengerjakan amal dengan) ikhlas kepadaNya. Atau patutkah kamu mengatakan, bahawa Ibrahim, Ismail, Ishaq dan Yaakub beserta anak-anaknya, mereka semua adalah orang Yahudi atau Nasrani. Katakanlah (wahai Muhammad): Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allah? Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menyembunyikan keterangan (saksi dan bukti) yang telah diberikan Allah kepadanya? Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lali akan apa yang telah kamu lakukan. (al-Quran, *al-Baqarah*, 2: 139-140)

Al-Ṭabari menyatakan bahawa ayat 140 dalam bentuk pertanyaan Allah SWT tentang patutkah sangkaan kaum Yahudi dan Nasrani bahawa Nabi-nabi yang disebut nama mereka di dalam ayat ini beragama Yahudi dan Kristian, serta persoalan siapakah yang lebih zalim daripada golongan yang menyembunyikan persaksian mereka tentang perkara yang telah mereka ketahui melalui kitab-kitab mereka, menjadi dalil bagaimana Allah SWT menafikan agama Yahudi dan Kristian sebagai agama yang diturunkan-Nya kepada para Nabi dan Rasul.

أولئك أهل الكتاب كنتمو الإسلام وهم يعلمون أنه دين الله واتخذوا اليهودية والنصرانية وكنتمو محمدا صلى الله عليه وسلم وهم

يعلمون أنه رسول الله صلى الله عليه وسلم يجدونه مكتوبا عندهم في التوراة والإنجيل

Terjemahan: Mereka adalah Ahli Kitab yang menyembunyikan (agama) Islam sedangkan mereka mengetahui bahawa Islam adalah agama (yang diturunkan) Allah, tetapi masih mereka mengambil Yahudi dan Kristian (sebagai agama). Mereka menyembunyikan fakta mengenai Nabi Muhammad SAW sedangkan telah mengetahui bahawa baginda SAW adalah seorang rasul yang telah termaktub (diberitahu) dalam kitab Taurat dan Injil.

Manakala al-Razi pula ketika mentafsirkan ayat 139, surah *al-Baqarah* telah mengemukakan empat perkara yang dimaksudkan dalam ayat ini mengenai perkara yang dipertikaikan (berbantah-bantahan) oleh kaum Yahudi dan Nasrani iaitu mengenai kenabian, bahawa kaum mereka lebih layak dengan kenabian kerana Nabi-nabi terdahulu datang daripada kalangan mereka. Kedua, kaum mereka lebih layak dengan keimanan daripada bangsa Arab yang menyembah berhala. Ketiga, kaum mereka adalah anak-anak Allah yang paling dicintai di sisi Tuhan, dan keempat:

{ أَتَحَاجُّونَنَا فِي اللَّهِ } أي : أتَاحُجُونَنَا فِي دِينِ اللَّهِ .

Terjemahan: { أَتَحَاجُّونَنَا فِي اللَّهِ } iaitu, adakah kamu berbantah-bantahan mengenai agama Allah (yang sebenar di sisi-Nya)?

Kemudian al-Razi menghuraikan ayat 140, surah *al-Baqarah* sebagaimana berikut:

أما قوله تعالى : { قُلْ أَنْتُمْ أَعْلَمُ أَمِ اللَّهُ } فمعناه أن الله أعلم وخبره أصدق وقد أخبر في التوراة والإنجيل وفي القرآن على لسان محمد صلى الله عليه وسلم أنهم كانوا مسلمين مبرئين عن اليهودية والنصرانية .

Terjemahan: Adapun firman Allah SWT: { Katakanlah (wahai Muhammad): Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allah?}, ia bermaksud bahawasanya Allah SWT lebih mengetahui dan perkhabaran-Nya lebih benar, yang mana Dia telah mengkhabarkan dalam kitab Taurat dan Injil juga dalam al-Quran melalui lisan Nabi Muhammad SAW bahawasanya mereka (Nabi-nabi tersebut) adalah beragama Islam yang berlepas diri daripada agama Yahudi dan juga Kristian.

Muhammad Asad pula menghuraikan bahawa bantahan yang dinyatakan dalam ayat ini adalah mengenai kehendak Tuhan berkenaan warisan kenabian dan keselamatan akhirat setiap manusia di mana penganut Yahudi mempercayai bahawa kenabian hanya diperuntukkan khas kepada kaum mereka (Bani Israel) sahaja. Manakala penganut Kristian pula percaya bahawa Nabi Isa adalah manifestasi Tuhan yang terakhir di atas muka bumi (*God's final manifestation on earth*). Kedua-dua agama ini mendakwa bahawa keselamatan akhirat hanya khusus kepada penganut masing-masing sahaja. Dakwaan ini menurut Muhammad Asad ditolak oleh al-Quran:

The Quran refutes these ideas by stressing, in the next sentence, that God is the Lord of all mankind, and that every individual will be judged on the basis of his own beliefs and his own behavior alone. (Muhammad Asad, 1980: 29)

Terjemahan: Al-Quran menolak idea-idea ini dengan menegaskan, bahawa Tuhan adalah Tuan (Pemilik) seluruh manusia, dan bahawa setiap individu akan **diadili berdasarkan kepercayaan masing-masing dan kelakuannya (amal perbuatan) sendiri**.

Berdasarkan perbincangan terdahulu mengenai keselamatan akhirat tidak dikhususkan kepada mana-mana kumpulan agama dan prinsip berkenaan perkataan 'Islam' dan 'muslim' tidak boleh diterjemahkan kepada nama satu agama dan penganut agama yang khusus, maka terjemahan dan huraian ayat 131-140 dalam surah *al-Baqarah* adalah menguatkan lagi petunjuk bahawa agama para Nabi dan Rasul menurut perspektif Muhammad Asad adalah agama yang menyerah diri kepada Tuhan secara umum kerana beliau juga menolak agama para Nabi terdahulu seperti Nabi Musa dan Nabi Isa adalah Yahudi dan Kristian.

In the above words the Quran alludes to the fact that the concept of "Jewry" came into being many centuries after the time of the Patriarchs, and even long after the time of Moses, while the concepts of "Christianity" and "Christians" were unknown in Jesus' time and represent later development.

Terjemahan: Dalam kenyataan di atas, al-Quran secara tidak langsung membawa fakta bahawa konsep (keistimewaan) bangsa Yahudi datang selepas berabad lamanya berlalu zaman patriarki (susur galur keturunan daripada salasilah nenek moyang Nabi Musa sebelah bapa), bahkan lama setelah berlalu zaman Nabi Musa a.s, sementara konsep kristianiti dan agama Kristian tidak diketahui pada zaman Nabi Isa a.s, dan (hanya) mewakili perkembangan zaman yang kemudian daripada itu.

Menurut Asad, Islam menegaskan prinsip asas mengenai tanggungjawab individu, dan menafikan idea "*the chosen people*" seperti dakwaan kaum Yahudi, dan menafikan doktrin "*original sin*" dalam agama Kristian yang mendakwa bahawa semua manusia dibebani dosa kerana mewarisi kesilapan Nabi Adam. Bagi Asad, tiada sesiapa yang boleh mendakwa hanya satu agama yang diterima di sisi Tuhan, iaitu agama yang dipercayai oleh masing-masing. Bahkan penganut Islam juga akan tersasar daripada ajaran al-Quran sekiranya mendakwa Islam satu-satunya agama yang benar kerana sikap ini menyerupai kaum Yahudi dan Nasrani (rujuk kenyataan beliau di atas

NURHAYATI BINTI ABDULLAH, KAMARUDIN BIN SALLEH

mengenai setiap orang akan diadili berdasarkan kepercayaan dan amal perbuatan masing-masing).

Pandangan Asad menatijahkan interpretasi terhadap agama para Nabi dan Rasul terdahulu sebagai semata-mata agama yang mempunyai intipati penyerahan diri kepada Tuhan, yang merupakan agama yang benar kerana berpegang kepada Tuhan yang satu, bukan agama Kristian atau Yahudi dan bukan juga Islam kerana menurut beliau, Islam hanya menjadi satu nama agama yang formal selepas perkembangan sejarah dan ideologi. Kerana itu, perkataan muslim dalam konteks ayat yang merujuk zaman para Nabi sebelum Nabi Muhammad SAW juga diberi interpretasi sebagai orang yang menyerah diri kepada Tuhan secara umum sebagaimana konteks ayat yang ditujukan kepada umat Nabi Muhammad SAW.

Kesimpulan

Kesimpulannya, perbincangan ini menunjukkan bahawa perubahan makna terhadap perkataan Islam turut mempunyai kesan ke atas perkataan muslim. Interpretasi muslim menurut perspektif Muhammad Asad adalah merujuk kepada sesiapa sahaja secara umum yang menyerah diri kepada Tuhan tanpa sebarang konsep, tanpa perlu menyempurnakan Rukun Iman dan Rukun Islam yang berdiri atas prinsip tauhid. Oleh itu tiada ciri-ciri yang khusus untuk seseorang itu menjadi muslim melainkan berpegang kepada satu prinsip universal, iaitu menyerah diri kepada Tuhan, sama ada sejak zaman sebelum Nabi Muhammad SAW atau selepasnya. Di sisi Ahli Sunah Waljamaah, seorang muslim mesti berpegang kepada Rukun Iman yang enam dan melaksanakan lima Rukun Islam untuk menyempurnakan sifat dan ciri-cirinya sebagai seorang muslim. Istilah muslim pada sesetengah tempat dalam al-Quran walaupun merujuk kepada zaman para Nabi terdahulu, ia tetap terkait dengan agama Islam yang mempunyai sistem kepercayaan yang sama antara semua para Nabi melainkan aspek hukum syariat sahaja yang berbeza praktik amalan. Al-Tabari (2008) mengatakan bahawa agama hanif yang dibawa oleh para Rasul terdahulu adalah Islam. Menurut Anis Malik Thoha (2009), agama samawi adalah tunggal, semua Nabi dan Rasul membawa risalah yang sama, agama yang sama, dari sumber yang sama. Oleh kerana itu al-Quran mengajarkan sikap tidak membeza-bezakan para Nabi dan Rasul dan menjadikannya sebagai salah satu Rukun Iman. Memberi makna kepada muslim tanpa konsep yang benar mengakibatkan pemisahan pengertiannya daripada makna 'mukmin' (orang yang beriman). Jika makna muslim sendiri telah terpisah daripada konsep keimanan seperti yang digariskan di dalam agama Islam melalui Rukun Iman dan Rukun Islam, secara hubungan semantik, perkataan mukmin (kata jamak: al-mukminun) juga tidak semestinya berkaitan atau berkenaan dengan orang Islam (muslim). Sebaliknya, penganut agama apa pun, asalkan mempercayai Tuhan yang satu, menyerah diri kepada-Nya adalah muslim yang beriman. Fahaman seperti ini adalah tidak selari dengan prinsip tauhid dan mendekati ideologi Pluralisme Agama yang menerima kebenaran semua agama dan mempercayai bahawa semua yang menyerah diri kepada Tuhan akan selamat di akhirat.

Rujukan

Al-Quran.

Abdullah bin Muhammad Basmeih. 1998. *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Dar Al-Fikr.

Ahmad Farouk Musa. (2013). Menelusuri Risalah Reformis Tafsir Muhammad Asad. Capaian pada 4 September, 2018 daripada <http://irfront.net/post/articles/menelusuri-risalah-reformis-tafsir-muhammad-asad/>

Anis Malik Thoha. 2009. Fahaman Pluralisme Agama Merosakkan Akidah. *Seminar Pemurnian Akidah 2009* (hlm. 49–73). Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Ahmad Sabri bin Othman. (2015). *Konsep Tauhid Menurut Ismail Raji Al-Faruqi: Analisis Terhadap Isu-isu Dalam Pluralisme Agama*. Universiti Sains Malaysia.

Abdul Majid Khan (2005). *A Critical Study of Muhammad Asad 's The Message of The Quran (1980)-Life and Thought*. Aligarh Muslim Universiti.

- Al-Maktabah al-Syamilah versi 2.11.
- Maziah Mahmud. (2007). *The Tafsir Of Muhammad Asad An Analytical Study Of His Methodology*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Khaleel Mohammed (2005). Assessing English Translations of the Qur'an. Capaian pada 4 September, 2018, daripada <https://www.meforum.org/articles/2005/assessing-english-translations-of-the-qur-an>
- Muhammad Asad. (t.t.). Capaian pada 28 Ogos 2018, daripada <http://www.islamicity.org/by/muhammad-asad>
- Muhammad Asad. (1966). *The Road To Mecca*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Muhammad Asad. (1980). *The Message of the Qur'an*. Gibraltar: Dar Al-Andalus.
- Muhammad Asad. *The Message of the Qur'an*. (1980.). Capaian pada 28 Ogos, 2018, daripada http://kass3100.weebly.com/uploads/2/8/5/0/28500787/the_message_of_the_koran.pdf
- Muhammad Asad. (1981). *Islam Di Simpang Jalan*. (M. Hashem, Ed.). Bandung: Penerbit Pustaka Perpustakaan Salman ITB.
- Muzaffar Iqbal. (2016). The Making Of Free Thinker Of Islam (Part 1): Muhammad Asad. *Islamic Sciences*, 14(1), 3–24.
- Al-Razi, Fakhruddin Muhammad Ibnu Umar. 2000. *Al-Tafsir Al-Kabir Aw Mafatih Al-Ghaib*. Jld. 7-8. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad Ibnu Jarir. 2008. *Tafsir Al-Tabari*. Terj. Ahmad Affandi et al. Jld.10. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Muhd. Najib Abdul Kadir. 2013. Kritikan Muslim Liberal terhadap Ulum al-Qur'an: Suatu Kecenderungan Baru dalam Tafsiran al-Qur'an. *Islamiyyat*, 35(2), 83–88.
- The Message of the Qur'an. (2018). Capaian pada 4 September, 2018, daripada https://en.wikipedia.org/wiki/The_Message_of_The_Qur%27an